

36 Surah Yaseen

سورة ياسين

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ
دَعْنِ نَامِ اللَّهِ، يَغْهَا قُورَةُ، لَانِي هَامْغَاسِيَهِنِي

Dengan nama Allah, Yang Maha Pemurah, lagi Maha Mengasihani.

يس

ياسين

36:1 Yaseen.

وَالْقُرْآنِ الْحَكِيمِ

دemi (قران) یغ معاندوغي حکمت - حکمت دان کبرن یغ تتف کوکوه،

36:2 Demi Al-Quran yang mengandung hikmat-hikmat dan kebenaran yang tetap kukuh,

إِنَّكَ لَمِنَ الْمُرْسَلِينَ

سسوئگوهن ائگکو (واهاي محمد أداله ساورئ رسول) دري
رسول-رسول يئ تله داوتوس،

36:3 Sesungguhnya engkau (wahai Muhammad adalah seorang Rasul) dari
Rasul-rasul yang telah diutus,

عَلَىٰ صِرَاطٍ مُسْتَقِيمٍ

• يئ تتف دأتس جالن يئ لوروس (اوكام اسلام).

36:4 Yang tetap di atas jalan yang lurus (ugama Islam).

تَنْزِيلَ الْعَزِيزِ الرَّحِيمِ

القران آيت ، دتورونكن اوليه الله يغ هاكواس ، لاني هماغاسيهني ،

36:5 Al-Quran itu, diturunkan oleh Allah Yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengasihani,

لِتُنذِرَ قَوْمًا مَّا أُنذِرَ آبَاؤُهُمْ فَهُمْ غَافِلُونَ

سوقايا اغكاوميري فرايغتن دان امرن كقد قوم يغ داتوق نينيقن تله لاما
تيدق ديريكن فرايغتن دان امرن ؛ سبب ايتوله مريك لالاي .

36:6 Supaya engkau memberi peringatan dan amaran kepada kaum yang datuk neneknya telah lama tidak diberikan peringatan dan amaran; sebab itulah mereka lalai.

لَقَدْ حَقَّ الْقَوْلُ عَلَىٰ أَكْثَرِهِمْ فَهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

دemi sesoengkoehen, tleh tetep hukuman seksa atas kebanyakan
mereka, kerana mereka tidak mahu beriman.

36:7 Demi sesungguhnya, telah tetap hukuman seksa atas kebanyakan
mereka, kerana mereka tidak mahu beriman.

إِنَّا جَعَلْنَا فِي أَعْنَاقِهِمْ أَغْلَالًا فَفِي إِلَى الْأَذْقَانِ فَهُمْ

مُقْحُونَ

سسوڭگوهن کامی جادیکن (کسومبوغن دان کاغکنن مریدک توندوق
کقدکبنن سباکای) بلغکوئغ همبرکس کدواتاغن مریدک کباتغ لیهر
مریدک؛ (لبرن بلغکوایت) سهای (منوڭکتکن) داگو مریدک لالو
منجادیله مریدک تردوغق.

36:8 Sesungguhnya Kami jadikan (kesombongan dan keengganan mereka tunduk kepada kebenaran sebagai) belunggu yang memberkas kedua tangan mereka ke batang leher mereka; (lebarnya belunggu itu) sampai (meningkatkan) dagu mereka lalu menjadilah mereka terdongak.

وَجَعَلْنَا مِنْ بَيْنِ أَيْدِيهِمْ سَدًّا وَمِنْ خَلْفِهِمْ سَدًّا

دان کامی جادیکن (صیفت طمع دان کیلا مرید کقد هرتا بندا دان فثکت
ایت سباکای) سکتن (یغ مغلغ مرید درقد مندغ کقد کبوروقن دان
کسیغکتن ماس دنیا یغ اد) دهادفن مرید، دان سکتن (یغ مغلغ
مرید درقد همیکیرکن عذاب یغ اد) د بلاکغ مرید (قادا هاری قیامة).

36:9 Dan Kami jadikan (sifat tamak dan gila mereka kepada harta benda dan pangkat itu sebagai) sekatan (yang menghalang mereka daripada memandang kepada keburukan dan kesingkatan masa dunia yang ada) di hadapan mereka, dan sekatan (yang menghalang mereka daripada memikirkan azab yang ada) di belakang mereka (pada hari kiamat).

فَاغْشَيْنَاهُمْ فَهُمْ لَا يُبْصِرُونَ

لَالوڪامي توتوف قندغن مريڪ؛ مڪ دغن ايت، مريڪ تيدق داقت
مليهت (جالن يڻ بنر).

_lalu Kami tutup pandangan mereka; maka dengan itu, mereka tidak dapat melihat (jalan yang benar).

وَسَوَاءٌ عَلَيْهِمْ ءَأَنْذَرْتَهُمْ أَمْ لَمْ تُنذِرْهُمْ لَا يُؤْمِنُونَ

دان (دغن سبب ایت) سام سهاج کقد مرید، اغکا ویری امرن اتاو
اغکا و تیدق ویری امرن کقدش - مرید تیدق اکن بر ایمان .

36:10 Dan (dengan sebab itu) sama sahaja kepada mereka, engkau beri amaran atau engkau tidak beri amaran kepadanya - mereka tidak akan beriman.

إِنَّمَا تُنذِرُ مَنِ اتَّبَعَ (الذِّكْرُ وَخَشِيَ الرَّحْمَنَ الْغَيْبِ

سسوڠكوهن فرأيتن دان أمرن (يغ برکسن دان منداتغن فائده)
هايله يغ اغكاو بريکن کقد اورغ يغ سديا منوروت أجرن (القران سرتا اي
تاكوت (ملغكر فرينته الله) (الرحمن سماس اي تيدق دليهت اورغ دان
سماس اي تيدق مليهت عذاب توهن .

36:11 Sesungguhnya peringatan dan amaran (yang berkesan dan mendatangkan faedah) hanyalah yang engkau berikan kepada orang yang sedia menurut ajaran Al-Quran serta ia takut (melanggar perintah Allah) Ar-Rahman semasa ia tidak dilihat orang dan semasa ia tidak melihat azab Tuhan.

فَبَشِّرُهُ بِمَغْفِرَةٍ وَأَجْرٍ كَرِيمٍ

أوليه ایت بریله کفشد بریتایغ معکمیراکن دشن کامقونن دان قهالا یغ
ملیا.

Oleh itu berilah kepadanya berita yang mengembirakan dengan
keampunan dan pahala yang mulia.

إِنَّا نَحْنُ نُحْيِي الْمَوْتَىٰ وَنَكْتُبُ مَا قَدَّمُوا وَآثَارَهُمْ

سوسوڱڪوهن ڪامي مڱهيد وڦڪن اُورڱ-اُورڱ يڱ ماتي ، دان ڪامي توليسڪن
سڪالا يڱ مريڪ تله ڪر ڄاڪن سرتا سڪالا ڪسن ڦرڪاتاڻ دان ڦربواتن يڱ
مريڪ تيڱڪلڪن .

36:12 Sesungguhnya Kami menghidupkan orang-orang yang mati, dan Kami tuliskan segala yang mereka telah kerjakan serta segala kesan perkataan dan perbuatan yang mereka tinggalkan.

وَكُلُّ شَيْءٍ أَحْصَيْنَاهُ فِي إِمَامٍ مُّبِينٍ

دان (ایغتلہ) تیاف-تیاف سسواتو کامی چاتیتکن ساتو فرساتو دالم
کتاب (ایبو سورتن) یغ جلس پات .

Dan (ingatlah) tiap-tiap sesuatu kami catitkan satu persatu dalam Kitab
(ibu Suratan) yang jelas nyata.

وَاضْرِبْ لَهُم مَّثَلًا أَصْحَابَ الْقَرْيَةِ إِذْ جَاءَهَا الْمُرْسَلُونَ

دان چریتاکنله کقد مریک ساتو کادان یغ عجائب معنائی قیصه
قندودوق سبواه باندر (یغ ترتتو) ایایتوکتیک مریک دداتعی
رسول-رسول (کامی) ،

36:13 Dan ceritakanlah kepada mereka satu keadaan yang ajaib mengenai kisah penduduk sebuah bandar (yang tertentu) iaitu ketika mereka didatangi Rasul-rasul (Kami),

إِذْ أَرْسَلْنَا إِلَيْهِمُ اثْنَيْنِ فَكَذَّبُوهُمَا فَعَزَّزْنَا بِثَالِثٍ فَقَالُوا
إِنَّا إِلَيْكُمْ مُّرْسَلُونَ

ketika kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya; kemudian Kami menguatkan (kedua Rasul itu) dengan Rasul yang ketiga, lalu Rasul-rasul itu berkata: Sesungguhnya kami ini adalah diutus kepada kamu.

36:14 Ketika Kami mengutus kepada mereka dua orang Rasul lalu mereka mendustakannya; kemudian Kami menguatkan (kedua Rasul itu) dengan Rasul yang ketiga, lalu Rasul-rasul itu berkata: Sesungguhnya kami ini adalah diutus kepada kamu.

قَالُوا مَا أَنْتُمْ إِلَّا بَشَرٌ مِثْلُنَا وَمَا أَنْزَلَ الرَّحْمَنُ مِنْ
شَيْءٍ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا تَكْذِبُونَ

قندودوق باندر ايت منجواب: "كامو اين تيدق لايئن هايله ماعنسي
سغرتي كامي جوگ، دان توهن يغ ها فوره تيدق منورونكن سسواتوقون
(تنغ اوكام يغ كامو دعواكن)؛ كامو اين تيدق لايئن هايله بردوستا".

36:15 Penduduk bandar itu menjawab: "Kamu ini tidak lain hanyalah manusia seperti kami juga, dan Tuhan Yang Maha Pemurah tidak menurunkan sesuatupun (tentang agama yang kamu dakwakan); Kamu ini tidak lain hanyalah berdusta".

قَالُوا رَبُّنَا يَعْلَمُ إِنَّا إِلَيْكُمْ لَمُرْسَلُونَ

رسول-رسول برکات: "توهن کامي مڱتاهوئي بهاوا سسوغڱوهن کامي
أداله رسول-رسول یغ داوتوس کڱد کامو،

36:16 Rasul-rasul berkata: Tuhan Kami mengetahui bahawa sesungguhnya
Kami adalah Rasul-rasul yang diutus kepada kamu,

وَمَا عَلَيْنَا إِلَّا الْبَلَاغُ الْمُبِينُ

دان توکس کامي هاپله مپمايکن فریتته-فریتتهن دشن چارایغ جلس پات

36:17 "Dan tugas Kami hanyalah menyampaikan perintah-perintahNya
dengan cara yang jelas nyata".

قَالُوا إِنَّا تَطَيَّرْنَا بِكُمْ

قندودوق باندر ايت بركات قولوا: "سسوعكوهن كامي مراس نحس دان
مالغ دغن سبب كامو.

36:18 Penduduk bandar itu berkata pula: "Sesungguhnya kami merasa nahas dan malang dengan sebab kamu.

لَئِنْ لَمْ تَنْتَهُوا لَنَرْجِمَنَّكُمْ وَلَمَنَنَّكُمْ مِنَّا عَذَابٌ أَلِيمٌ

دemi sesoengkoehen, kalau kamu motidq berhenti (dari menjalankan tugas yang kamu katakan itu), tentulah kami akan merejam kamu dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab seksa yang tidak terperi masai dari pihak kami seisaig tidq terperi masai.

Demi sesungguhnya, kalau kamu tidak berhenti (dari menjalankan tugas yang kamu katakan itu), tentulah kami akan merejam kamu dan sudah tentu kamu akan merasai dari pihak kami azab seksa yang tidak terperi sakitnya".

قَالُوا طَائِرُكُمْ مَعَكُمْ

رسول-رسول ایت منجواب: "نخس دان مالغ کامو ایت اداله دسببکن
(ککفورن) یغ ادقاد اکامو.

36:19 Rasul-rasul itu menjawab: "Nahas dan malang kamu itu adalah disebabkan (kekufuran) yang ada pada kamu.

عَٰنُ ذِكْرِي بَلْ أَنْتُمْ قَوْمٌ مُّسْرِفُونَ

فاتوتکه کران کامو دیری فریغتن دان نصیحت فتاجرن (مک کامو مغانچم
کامی دشن اف یغ کامو کاتان ایت)؟ (کامو بوکنله اورغ-اورغ یغ ماهو
انصاف) بھکن کامو اداله قوم قلھاو".

Patutkah kerana kamu diberi peringatan dan nasihat pengajaran (maka kamu mengancam kami dengan apa yang kamu katakan itu)? (Kamu bukanlah orang-orang yang mahu insaf) bahkan kamu adalah kaum pelampau".

وَجَاءَ مِنْ أَقْصَا الْمَدِينَةِ رَجُلٌ يَسْعَىٰ قَالَ يَا قَوْمِ
اتَّبِعُوا الْمُرْسَلِينَ

دان (سماس رسول- رسول ایت دانچم) ، دانغله ساورغ للاکی دری
هوجوغ باندر ایت دشن برلاری ، لالو مہری نصیحت دشن کاتش :
"واہای قومکو! تورو تله رسول- رسول ایت

36:20 Dan (semasa Rasul-rasul itu diancam), datanglah seorang lelaki dari
hujung bandar itu dengan berlari, lalu memberi nasihat dengan katanya:
"Wahai kaumku! Turutlah Rasul-rasul itu -

اتَّبِعُوا مَنْ لَا يَسْأَلُكُمْ أَجْرًا وَهُمْ يُهْتَدُونَ

"توروتله اورغ-اورغ تيدق ميمتاكفدكامو سسواتو بالسن ، سدغ
مريگ اداله اورغ-اورغ منداقت هداية فتونجوق".

36:21 "Turutlah orang-orang yang tidak meminta kapada kamu sesuatu balasan, sedang mereka adalah orang-orang mandapat hidayah petunjuk".

وَمَا لِي لَا أَعْبُدُ الَّذِي فَطَرَنِي وَإِلَيْهِ تُرْجَعُونَ

دان (أفببلا دتاش : سودهكه ائكا و منرهما او كام مرىك ؟ مك جوابش) :
"مغاف اكو تىدق ممبه توهن يئ منچىقتاكن داكو ، دان يئ كقديله (اكو
دان) كاموسهوا اكن دكبالىكن ؟

36:22 Dan (apabila ditanya: Sudahkah engkau menerima agama mereka?
Maka jawabnya): "Mengapa aku tidak menyembah Tuhan yang
menciptakan daku, dan yang kepadaNyalah (aku dan) kamu semua akan
dikembalikan?"

ءَاتَخِذْ مِنْ دُونِهِ إِلَهًا إِنْ يُرِدْنِ الرَّحْمَنُ بِضُرٍّ لَا تُغْنِ
عَنِّي شَفَاعَتُهُمْ شَيْئًا وَلَا يُنْقِذُونِ

"قاتوتکه اگومپمبه بېراف توهن یغ لاین دري الله؟ (سوده تنتوتیدق
قاتوت، کران) جک الله یغ مها قوره هندق منیماکن داکو دغن سسواتو
بهاي، مریک تیدق دافت همریکن سبارغ شفاعة کفدکو، دان مریک جوک
تیدق دافت میلامتکن داکو.

36:23 "Patutkah aku menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah? (Sudah tentu tidak patut, kerana) jika Allah yang Maha Pemurah hendak menimpakan daku dengan sesuatu bahaya, mereka tidak dapat memberikan sebarang syafaat kepadaku, dan mereka juga tidak dapat menyelamatkan daku.

إِنِّي إِذَا لَفِي ضَلَالٍ مُّبِينٍ

"Sesungguhnya aku (kalau melakukan syirik) tentulah aku pada ketika itu berada dalam kesesatan yang nyata."
برأء دالم كسستن یغ پات .

36:24 "Sesungguhnya aku (kalau melakukan syirik) tentulah aku pada ketika itu berada dalam kesesatan yang nyata."

إِنِّي آمَنْتُ بِرَبِّكُمْ فَاسْمِعُونِ

"Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah
(nasihatku)",

36:25 "Sesungguhnya aku telah beriman kepada Tuhan kamu, maka dengarlah (nasihatku)",

قِيلَ ادْخُلِ الْجَنَّةَ

(Setelah ia mati) lalu dikatakan kepadanya: "Masuklah ke dalam Syurga".

36:26 (Setelah ia mati) lalu dikatakan kepadanya: "Masuklah ke dalam Syurga".

قَالَ يَا لَيْتَ قَوْمِي يَعْلَمُونَ

ای برکات؛ اَلْغَکَہُ بَاعِثُ کَالَاوِ قَوْمِکُمْ مَعْتَاهُوْی

Ia berkata; "Alangkah baiknya kalau kaumku mengetahui -

بِمَا غَفَرَ لِي رَبِّيَّ وَجَعَلَنِي مِنَ الْمُكْرَمِينَ

"تنتغ فرکار ایغ میبکن داکو دامقونکن اولیه توھنکو، سرتا دجادیکش
داکو دری اورغ-اورغ یغ دمولیاکن."

36:27 "Tentang perkara yang menyebabkan daku diampunkan oleh
Tuhanku, serta dijadikannya daku dari orang-orang yang dimuliakan".

وَمَا أَنْزَلْنَا عَلَىٰ قَوْمِهِ مِنْ بَعْدِهِ مِنْ جُنْدٍ مِّنَ السَّمَاءِ
وَمَا كُنَّا مُنْزِلِينَ

دان کامي تیدق منورونکن کقد قومش سسوده ای (ماتے) سبارغ
فاسوقن تنترادری لاغیت (اونتوق همیناساکن مریدک) ، دان تیدق قرو
کامی منورونکنش .

36:28 Dan Kami tidak menurunkan kepada kaumnya sesudah ia (mati)
sebarang pasukan tentera dari langit (untuk membinasakan mereka), dan
tidak perlu Kami menurunkannya.

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَبْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ خَامِدُونَ

(كېناسان مريد) هاپله دلاگون دغن ساتوفکين (يغ دهشت) ،
مک دغن سرتا-مرتا مريد سها سوپي-سفي تيدق هيدوف لاني .

36:29 (Kebinasan mereka) hanyalah dilakukan dengan satu pekikan (yang dahsyat), maka dengan serta-merta mereka semua sunyi-sepi tidak hidup lagi.

يَا حَسْرَةً عَلَىٰ الْعِبَادِ مَا يَأْتِيهِمْ مِنْ رَسُولٍ إِلَّا كَانُوا

بِهِ يَسْتَهْزِءُونَ

سوڱڪوه بسر فرسان سسل دان ڪچيو ايغ منيها هيا- هيا (يغ)
مغايجري ڪننن)! تيدق داتغ ڪقد مريڪ ساورغ رسول ملائڪن مريڪ
مغيجيق- ايچيق دان مهر اولوق- اولوقڪن.

36:30 Sungguh besar perasaan sesal dan kecewa yang menimpa hamba-hamba (yang mengingkari kebenaran)! Tidak datang kepada mereka seorang Rasul melainkan mereka mengejek-ejek dan memperolok-olokkannya.

أَلَمْ يَرَوْا كَمَا أَهْلَكْنَا قَبْلَهُمْ مِنَ الْقُرُونِ أَنَّهُمْ إِلَيْهِمْ لَا
يَرْجِعُونَ

تيدقکه مريد مغتاهوي براق بايق اومت-اومت يغب تله کامي
بيناسکن سبلوم مريد؟ اومت-اومت يغب تله بيناس ايت تيدق کباله
لائي کقد مريد (بھکن کباله کقد کامي، اونتوق منرهما بالسن).

36:31 Tidakkah mereka mengetahui berapa banyak umat-umat yang telah Kami binasakan sebelum mereka? Umat-umat yang telah binasa itu tidak kembali lagi kepada mereka (bahkan kembali kepada Kami, untuk menerima balasan).

وَأِنْ كُلُّ لَمَّا جَمِيعٌ لَدَيْنَا مُحْضَرُونَ

دان تیدق اء ساتو مخلوق قون ملائینکن دهیمقونکن که تمهت فریچاران
کامی ، سموان دباوا حاضر (اونتوق منرهما بالسن) .

36:32 Dan tidak ada satu makhluk pun melainkan dihimpunkan ke tempat perbincangan Kami, semuanya dibawa hadir (untuk menerima balasan).

وَآيَةٌ لَهُمُ الْأَرْضُ الْمَيْتَةُ أَحْيَيْنَاهَا وَأَخْرَجْنَا مِنْهَا حَبًّا
فَمِنْهُ يَأْكُلُونَ

دان دليل يڭ ترغ اونتوق مريڪ (مهمي ککواسان دان کورهن کامي) ،
اياله بومي يڭ ماتي ؛ کامي هيدوقن دي سرتا کامي کلوارکن درقش
بجي - بجين ، مک درقش بجي - بجين ايت مريڪ ماکن .

36:33 Dan dalil yang terang untuk mereka (memahami kekuasaan dan kemurahan kami), ialah bumi yang mati; kami hidupkan dia serta kami keluarkan daripadanya biji-bijian, maka daripada biji-bijian itu mereka makan.

وَجَعَلْنَا فِيهَا جَنَّاتٍ مِنْ نَخِيلٍ وَأَعْنَابٍ وَفَجْرًا فِيهَا
مِنَ الْعُيُونِ

دان کامی جادیکن د بومی ایت کبون-کبون کورما دان اغکور، دان کامی
فانچرکن قادش بیراف ماتائر،

36:34 Dan kami jadikan di bumi itu kebun-kebun kurma dan anggur, dan kami pancarkan padanya beberapa matair,

لِيَأْكُلُوا مِنْ ثَمَرِهِ وَمَا عَمِلَتْهُ أَيْدِيهِمْ أَفَلَا يَشْكُرُونَ

سوفایا مریک ماکن دری بواہ-بواہنن دان دری اف یغ دکر جاکن اولیہ
تاغن مریک؛ مک فانتو تکه مریک تیدق برشکور؟

36:35 Supaya mereka makan dari buah-buahannya dan dari apa yang dikerjakan oleh tangan mereka; maka patutkah mereka tidak bersyukur?

سُبْحَانَ الَّذِي خَلَقَ الْأَزْوَاجَ كُلَّهَا مِمَّا تُنْبِتُ الْأَرْضُ
وَمِنْ أَنْفُسِهِمْ وَمِمَّا لَا يَعْلَمُونَ

ها سوچی توھن یغ تلہ منچیتاکن مخلوق-مخلوق سہواں برقا سغن ؛
سام اد دري یغ فرتومبوھکن اولیہ بومی ، اناو دري ديري مریک ،
اناوقون دري اف یغ مریک تیدق مغتاهویش .

36:36 Maha Suci Tuhan yang telah menciptakan makhluk-makhluk semuanya berpasangan; sama ada dari yang ditumbuhkan oleh bumi, atau dari diri mereka, ataupun dari apa yang mereka tidak mengetahuinya.

وَأَيَّةٌ لَهُمُ اللَّيْلُ نَسَخَ مِنْهُ النَّهَارَ فَإِذَا هُمُ مُظْلِمُونَ

دان لایکی دلیل یغ ترغ اونتوق مرید (برفیکیر) ایاله مالم؛ کامی
هیلعکن سیاغ درقوش، مک دشن سرتا-مرتتا مرید براد دالم
کلف-کلیتا؛

36:37 Dan lagi dalil yang terang untuk mereka (berfikir) ialah malam;
Kami hilangkan siang daripadanya, maka dengan serta-merta mereka
berada dalam gelap-gelita;

وَالشَّمْسُ تَجْرِي لِمُسْتَقَرٍّ لَهَا ذَلِكَ تَقْدِيرُ الْعَزِيزِ الْعَلِيمِ
دان (سهاکین دری دلیل یغ ترسبو ایاله) ماتاهاری؛ ایاکلیهتن
برایدر که تمثت یغ دتتکن باکیش؛ ایت أداله تقدیر توهن یغ ههاکواس،
لاکی هها مغتاهوئی؛

36:38 Dan (sebahagian dari dalil yang tersebut ialah) matahari; ia kelihatan beredar ke tempat yang ditetapkan baginya; itu adalah takdir Tuhan yang Maha Kuasa, lagi Maha Mengetahui;

وَالْقَمَرَ قَدَرْنَا مَنَازِلَ حَتَّىٰ آدَا كَالْعُرْجُونِ الْقَدِيمِ

دان بولن قولاي قادي تقديركن دي بر ايدر ملا الوي بيراف قريغت ،
سهيغت د اخير قرايدرنش كليهن كمالين قولاي قريغت اولن - (بر بنتوق
ملغكوغ) سغرتي تندن يغ كريغ .

36:39 Dan bulan pula Kami takdirkan dia beredar melalui beberapa peringkat, sehingga di akhir peredarannya kelihatan kembalinya pula ke peringkat awalnya - (berbentuk melengkung) seperti tandan yang kering.

لَا الشَّمْسُ يَنْبَغِي لَهَا أَنْ تُدْرِكَ الْقَمَرَ وَلَا اللَّيْلُ
سَابِقُ النَّهَارِ وَكُلٌّ فِي فَلَكٍ يَسْبَحُونَ

(دغن کتتوان یغ دمکین) ، ماتاهاری تیدق موده باکین مئجر بولن ،
دان مالم قولاً تیدق دافت مندهولوی سیاغ ؛ کران تیاف-تیاف
ساتون برایدن تراقوغ-اقوغ د تمقت ایدرنش ماسیغ-ماسیغ .

36:40 (Dengan ketentuan yang demikian), matahari tidak mudah baginya
mengejar bulan, dan malam pula tidak dapat mendahului siang; kerana
tiap-tiap satunya beredar terapung-apung di tempat edarannya masing-
masing.

وَآيَةٌ لَهُمْ أَنَّا حَمَلْنَا ذُرِّيَّتَهُمْ فِي الْفُلِكِ الْمَشْحُونِ

دان ساتو دليل لاني اونتوق مريد (انصاف) اياله، كامي مهابوا بلاير
جنيس كلوارك مريد دالم بهتريغ قنوه سارت؛

36:41 Dan satu dalil lagi untuk mereka (insaf) ialah, Kami membawa
belayar jenis keluarga mereka dalam bahtera yang penuh sarat;

وَخَلَقْنَا لَهُمْ مِنْ مِثْلِهِ مَا يَرْكَبُونَ

دان کامی چیفتاکن اونتوق مرید، جنیس-جنیس کندران یغ سام
دغش، یغ مرید داقت مغندرائش.

36:42 Dan Kami ciptakan untuk mereka, jenis-jenis kendaraan yang sama dengannya, yang mereka dapat mengenderainya.

وَإِنْ نَشَاءُ نَغْرِقْهُمْ فَلَاصْرِيحَ لَهُمْ وَلَا هُمْ يَنْقُذُونَ

دان چا كامې كهندي، كامې بوليه تغلماكن مريک؛ (کيران کامې لا کون يځ دمکين) مک تيدق اديغ دافت ميري قرتولوغن کقد مريک، دان مريک چوک تيدق دافت دسلامتکن، -

36:43 Dan jika kami kehendaki, kami boleh tenggelamkan mereka; (kiranya Kami lakukan yang demikian) maka tidak ada yang dapat memberi pertolongan kepada mereka, dan mereka juga tidak dapat diselamatkan, -

إِلَّا رَحْمَةً مِنَّا وَمَتَاعًا إِلَىٰ حِينٍ

کچوالے دغن کورهن دري قيهق کامي هميري رحمة دان کسنغن هيدوف
کقد مريک هيغک ک سواتوماس .

36:44 Kecuali dengan kemurahan dari pihak Kami memberi rahmat dan kesenangan hidup kepada mereka hingga ke suatu masa.

وَإِذَا قِيلَ لَهُمُ اتَّقُوا مَا بَيْنَ أَيْدِيكُمْ وَمَا خَلْفَكُمْ لَعَلَّكُمْ
يُرْحَمُونَ

دان اقبيلاد کاتاکن کفد مریک: "برجاگ-جاگله کامو اکن اف یغ اءد
هادفن کامو (دری اوروسن-اوروسن هیدوف د دنیا این) ، دان اف
یغ اءد د بلاکغ کامو (دری هورو-هارا دان بالسن اخیرة) ، سو قایا کامو
بر اولیه رحمة" ، (مریک تیدق معایندهکنش) .

36:45 Dan apabila dikatakan kepada mereka: "berjaga-jagalah kamu akan apa yang ada di hadapan kamu (dari urusan-urusan hidup di dunia ini), dan apa yang ada di belakang kamu (dari huru-hara dan balasan akhirat), supaya kamu beroleh rahmat", (mereka tidak mengindahkannya).

وَمَا تَأْتِيهِمْ مِنْ آيَةٍ مِنْ آيَاتِ رَبِّهِمْ إِلَّا كَانُوا عَنْهَا

مُعْرِضِينَ

دان (ایتوله طبیعة مرید) تیدق اء سسواتو کترغن یغ سمهای کقد مرید
دری کترغن-کترغن توهن مرید ملائینکن مرید سلالو برقالیغ دروڈن
(ا؁کن منرہما).

36:46 Dan (itulah tabiat mereka) tidak ada sesuatu keterangan yang sampai kepada mereka dari keterangan-keterangan tuhan mereka melainkan mereka selalu berpaling daripadanya (enggan menerimanya).

وَإِذَا قِيلَ لَهُمْ أَنْفِقُوا مِمَّا رَزَقَكُمُ اللَّهُ قَالَ الَّذِينَ كَفَرُوا

لِلَّذِينَ آمَنُوا

دان اُفایلا دکاتاکن کُفد مریک: "درماکنله سبهاکین دری رزقی یغ
دکوریاکن الله کُفد کامو"، برکاتله اورغ-اورغ یغ کافیرایت کُفد اورغ-اورغ
یغ بر ایمان (سچارا معجیق-ایجیق):

36:47 Dan apabila dikatakan kepada mereka: "Dermakanlah sebahagian dari rezeki yang dikurniakan Allah kepada kamu", berkatalah orang-orang yang kafir itu kepada orang-orang yang beriman (secara mengejek-ejek):

أَنْطَعِمُ مَنْ لَوْ يَشَاءُ اللَّهُ أَطْعَمَهُ إِنْ أَنْتُمْ إِلَّا فِي ضَلَالٍ

مُبِينٍ

"قانتو تکه کامی همیری ماکن کفد اور شیخ جک الله کهندي تنتوله ای اکن
همیریش ماکن؟ کامو این هاپله براد دالم کسستن شیخ پات .

"Patutkah kami memberi makan kepada orang yang jika Allah kehendaki tentulah Ia akan memberinya makan? Kamu ini hanyalah berada dalam kesesatan yang nyata".

وَيَقُولُونَ مَتَىٰ هٰذَا الْوَعْدُ إِن كُنتُمْ صَادِقِينَ

دان (اڦابيلامريڪ دايغتڪن تنتغ هورو-هارا دان بالسن اخيرة) مريڪ برتاش (سچارا همفرسندا): "بيلاڪه داتغن (هاري اخيرة) يڄ دجنجيكن ايت؟ جڪ بتول كامواورغ-اورغ يڄ نبر (مڪامي سديا منوغكو)!"،

36:48 Dan (apabila mereka diingatkan tentang huru-hara dan balasan akhirat) mereka bertanya (secara mempersenda): "Bilakah datangnya (hari akhirat) yang dijanjikan itu? Jika betul kamu orang-orang yang benar (maka kami sedia menunggu)!" ,

مَا يَنْظُرُونَ إِلَّا صَيْحَةً وَاحِدَةً تَأْخُذُهُمْ وَهُمْ يَخِصِّمُونَ

مريک تيدق منوغکو ملائکن ساتوقکيقن يڭ - (دغن سچارا معجوت)
اکن همينا ساکن مريک سماس مريک دالم کادان ليک برتغکر (مرونديغکن
اوروسن دنيا ماسيغ - ماسيغ).

36:49 Mereka tidak menunggu melainkan satu pekikan yang - (dengan secara mengejut) akan membinasakan mereka semasa mereka dalam keadaan leka bertengkar (merundingkan urusan dunia masing-masing).

فَلَا يَسْتَطِيعُونَ تَوْصِيَةً وَلَا إِلَىٰ أَهْلِهِمْ يَرْجِعُونَ

مک دغن ایت، مریک تیدق برقلواغ همبواسبارغ قسنن (واصیت اناو
لائینش)، دان (کالاو مریک براد دلوار) مریک تیدق سمفت کمالے کقد
کلوارکن.

36:50 Maka dengan itu, mereka tidak berpeluang membuat sebarang pesanan (wasiat atau lainnya), dan (kalau mereka berada di luar) mereka tidak sempat kembali kepada keluarganya.

وَنُفِخَ فِي الصُّورِ فَإِذَا هُمْ مِنَ الْأَجْدَاثِ إِلَىٰ رَبِّهِمْ
يَنْسِلُونَ

دان سوده تنتواكن دتيو فكن سغكاكالا (مغهد و فكن اورغ- اورغ يغ
تله ماتي؛ اقبيلابرا كويغ دمكين) مك سموان سكر ابغكيت كلواردري
قبور ماسيغ- ماسيغ (اونتوق) مغادف توهنش.

36:51 Dan sudah tentu akan ditiupkan sangkakala (menghidupkan orang-orang yang telah mati; apabila berlaku yang demikian) maka semuanya segera bangkit keluar dari kubur masing-masing (untuk) mengadap Tuhannya.

قَالُوا يَا وَيْلَنَا مَنْ بَعَثَنَا مِنْ مَرْقَدِنَا هَذَا مَا وَعَدَ
الرَّحْمَنُ وَصَدَقَ الْمُرْسَلُونَ

(فاداكتيك ايت) اورغ- اورغ تيغ تيدق فرچايكن هيدوف سمولا بركات:
أدوهاي چلاكن كامي! سيافاكه يغ همبغكيتكن كامي دري قبور تمقت تيدور
كامي؟ ، (لالود كاتاكن كقدمريك) : "اينله دي يغ تله دجنجيكن اوليه
الله يغ هما قوره دان بنرله برتايغ دسمقايكن اوليه رسول- رسول!" ،

36:52 (Pada ketika itu) orang-orang yang tidak percayakan hidup semula berkata:
Aduhai celakanya kami! Siapakah yang membangkitkan kami dari kubur tempat tidur
kami?,, (Lalu dikatakan kepada mereka): "Inilah dia yang telah dijanjikan oleh Allah
Yang Maha Pemurah dan benarlah berita yang disampaikan oleh Rasul-rasul!,

إِنْ كَانَتْ إِلَّا صَبْحَةً وَاحِدَةً فَإِذَا هُمْ جَمِيعٌ لَدَيْنَا
مُحْضَرُونَ

هائيله دغن براكون ساتوفكين سهاج، مكدغن سرتا-مرتامريك
دهيمفونكن كتمت قريچاران كامي، سموان دباوا حاضير (اونتوق منرهما
بالسن).

36:53 Hanyalah dengan berlakunya satu pekikan sahaja, maka dengan serta-merta mereka dihimpunkan ke tempat perbincaraan Kami, semuanya dibawa hadir (untuk menerima balasan).

فَالْيَوْمَ لَا تُظْلَمُ نَفْسٌ شَيْئًا وَلَا يُجْزَوْنَ إِلَّا مَا كُنْتُمْ
تَعْمَلُونَ

مک قادا هاري ایت ، تیدق اد سساورغ یغ اکن دانیاي سدیکیثون ،
دان کامو قولاً تیدق اکن دبالس ملائینکن منوروت عمل یغ کاموتله
کرجاکن .

36:54 Maka pada hari itu, tidak ada seseorang yang akan dianiaya sedikitpun, dan kamu pula tidak akan dibalas melainkan menurut amal yang kamu telah kerjakan.

إِنَّ أَصْحَابَ الْجَنَّةِ لِيَوْمَ فِي شُغُلٍ فَاكِهُونَ

سوسوڭكوهن فنودودوق شرك فادا هاري ايت ، براد دالم كادان سيوق
ليد منعتي كسنغن ؛

36:55 Sesungguhnya penduduk Syurga pada hari itu, berada dalam keadaan sibuk leka menikmati kesenangan;

هُمُ وَأَزْوَاجُهُمْ فِي ضَلَالٍ عَلَى الْأَرَائِكِ مُتَكِبُونَ

مريک دغن قاسغن - قاسغن مريک برسوکاريا د تمقت يغ تدوه ، سمبيل
دودوق برباريغ د اُتس قلامين ؛

36:56 Mereka dengan pasangan-pasangan mereka bersukaria di tempat yang teduh, sambil duduk berbaring di atas pelamin;

لَهُمْ فِيهَا فَاكِهَةٌ وَالَهُمْ مَا يَدَّعُونَ

مريڪ بر اوليه دالم شرڪ ايت قلبانگاي جنيس بواه-بواهن ، دان مريڪ
بر اوليه اف سهاج يغ مريڪ كهندي ؛

36:57 Mereka beroleh dalam Syurga itu pelbagai jenis buah-buahan, dan mereka beroleh apa sahaja yang mereka kehendaki;

سَلَامٌ قَوْلًا مِنْ رَبِّ رَحِيمٍ

(مریک جو کبر اولیہ) اوجھن سلام سچھتر ادري توھن یغھا

• مؑاسیھنی

36:58 (Mereka juga beroleh) ucapan salam sejahtera dari Tuhan Yang Maha Mengasihani.

وَأَمْتَاذُوا (لِيَوْمِ آيَئَا الْمُجْرِمُونَ

دان (سباليقش دكاتاكن كقد أورغ-أورغ يغ كافي): "برفيسهله كاموقادا هاري اين ، هاي أورغ-أورغ يغ بردوسا ، (دري برچفوركاؤل دشن أورغ-أورغ يغ بريمان) .

36:59 Dan (sebaliknya dikatakan kepada orang-orang yang kafir):
"Berpisahlah kamu pada hari ini, hai orang-orang yang berdosa, (dari bercampur gaul dengan orang-orang yang beriman).

أَلَمْ آتَاكُم بِآيَاتِي آدَمَ أَنْ لَا تَعْبُدُوا (لَشَيْطَانٍ إِنَّهُ
لَكُمْ عَدُوٌّ مُبِينٌ

"Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam,
supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang
nyata terhadap kamu!

36:60 "Bukankah Aku telah perintahkan kamu wahai anak-anak Adam,
supaya kamu jangan menyembah Syaitan? Sesungguhnya ia musuh yang
nyata terhadap kamu!

وَأَنْ أَعْبُدُونِي هَذَا صِرَاطٌ مُسْتَقِيمٌ

"Dan (Aku perintahkan): hendaklah kamu menyembahKu; inilah jalan yang lurus."

36:61 "Dan (Aku perintahkan): hendaklah kamu menyembahKu; inilah jalan yang lurus."

وَلَقَدْ أَضَلَّ مِنْكُمْ جِبِلًّا كَثِيرًا أَفَلَمْ تَكُونُوا تَعْقِلُونَ

"دان سسوغکوهن شیطان ایت تله میستن کولوغن یغ رامای د
انتارا کامو؛ (ستله کامو مغتاهوئی عاقبه مرید) مک تیدقکه سفاتوتش
کامو بر فیکیر دان انصاف؟

36:62 "Dan sesungguhnya Syaitan itu telah menyesatkan golongan yang ramai di antara kamu; (setelah kamu mengetahui akibat mereka) maka tidakkah sepatutnya kamu berfikir dan insaf?"

هَذِهِ جَهَنَّمُ الَّتِي كُنْتُمْ تُوعَدُونَ

"يٰٓعِزُّ كَامُو سَقْسِيكُن سَكَارِغِ اِيَالِه نَرَاكُ جَهَنَّمُ ، يٰٓعِزُّ كَامُو سَلَالُو دَآئِجُم
مَاسُو قِيَش (كَالَاوُ كَامُو تِيْدُق طَاعَتِكُن قُرَيْتِه اللّٰهُ) .

36:63 "Yang kamu saksikan sekarang ialah neraka Jahannam, yang kamu selalu diancam memasukinya (kalau kamu tidak taatkan perintah Allah).

اَضَلُّوْهَا (لِيَوْمِ مَا كُنْتُمْ تَكْفُرُوْنَ

"Rasalah kamu bakarnya pada hari ini, disebabkan perbuatan kufur yang kamu telah lakukan!"

36:64 "Rasalah kamu bakarnya pada hari ini, disebabkan perbuatan kufur yang kamu telah lakukan!"

لِيَوْمِ نَخْتِمُ عَلَىٰ أَفْوَاهِهِمْ وَتُكَلِّمُنَا أَيْدِيهِمْ وَتَشْهَدُ
أَرْجُلُهُمْ بِمَا كَانُوا يَكْسِبُونَ

فادا وقتوايت کامي مترايکن مولوت مريد (سجوروس)؛ دان (مھري
قلواغ کقد) تاغن-تاغن مريد مھريتاهو کامي (کسالھن
ماسيغ-ماسيغ)، دان کامي مريد قولاً منجادي سقسي تتغ اف يغ
مريد تله اوسھان.

36:65 Pada waktu itu Kami meteraikan mulut mereka (sejurus); dan (memberi peluang kepada) tangan-tangan mereka memberitahu Kami (kesalahan masing-masing), dan kaki mereka pula menjadi saksi tentang apa yang mereka telah usahakan.

وَلَوْ نَشَاءُ لَطَمَسْنَا عَلَىٰ أَعْيُنِهِمْ فَاسْتَبَقُوا الصِّرَاطَ

(ماتاهاڻي اورڻ-اورڻ ڀڃ مندرهاڪا ايت روق) دان ڪالا وڪامي ڪهندي،
ڪامي برڪواس مڻهاڻوسڪن بنتوق دان ٻڃي مات ڪڦالا مريڪ منجادي رات،
سهيڻڪ ماسيغ-ماسيغ منرقا منجاري-چاري جالن (ڀڃ بياسا مريڪ
(الوي)

36:66 (Matahati orang-orang yang menderhaka itu rosak) dan kalau Kami kehendaki, Kami berkuasa menghapuskan bentuk dan biji mata kepala mereka menjadi rata, sehingga masing-masing menerpa mencari-cari jalan (yang biasa mereka lalui).

فَأَنَّا يُبْصِرُونَ

(Kiranya dijadikan demikian) maka bagaimanakah mereka dapat melihatnya?

(Kiranya dijadikan demikian) maka bagaimanakah mereka dapat melihatnya?

وَلَوْ نَشَاءُ لَمَسَخْنَاهُمْ عَلَىٰ مَكَانَتِهِمْ فَمَا اسْتَطَاعُوا

مُضِيًّا وَلَا يَرْجِعُونَ

(Kecuatan عقل فيكيرن مريڤك جوڤ تيدق صيحت) دان كاللا وڪامي كهنديڤ ،
ڪامي برڪواس مڱاو هڪن ڪاڊان جسماني مريڤك (منجادي ڪاڪوبڪو) دتمت
يغ مريڤك براد قادن ؛ مڪ دغن ايت ، مريڤك تيدق داقت مارا ڪ هادقن
دان جوڤ تيدق داقت اوندور ڪ بلا ڪغ .

36:67 (Kekuatan akal fikiran mereka juga tidak sihat) dan kalau kami kehendaki,
kami berkuasa mengubah keadaan jasmani mereka (menjadi kaku beku) di
tempat yang mereka berada padanya; maka dengan itu, mereka tidak dapat mara ke
hadapan dan juga tidak dapat undur ke belakang.

وَمَنْ نَعْمَرَهُ نُنَكِّسْهُ فِي الْخَلْقِ أَفَلَا يَعْقِلُونَ

دان (هندقله دايعت بهاوا) سسياقايغ كامي قنچغكن عمورث، كامي
باليقكن كماله كجاديث (كفدكأدان سر بالمه؛ حقيقت اين ميغ جلس)
مك معاف مريك تيدق ماهو ميكركن؟

36:68 Dan (hendaklah diingat bahawa) sesiapa yang Kami panjangkan umurnya, Kami balikkan kembali kejadiannya (kepada keadaan serba lemah; hakikat ini memang jelas) maka mengapa mereka tidak mahu memikirkannya?

وَمَا عَلَّمْنَاهُ الشِّعْرَ وَمَا يَنْبَغِي لَهُ

(Nabi Muhammad bukanlah penyair) dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya, dan kepandaian bersyair itu pula tidak sesuai baginya.

36:69 (Nabi Muhammad bukanlah penyair) dan Kami tidak mengajarkan syair kepadanya, dan kepandaian bersyair itu pula tidak sesuai baginya.

إِنْ هُوَ إِلَّا زِكْرٌ وَقُرْآنٌ مُّبِينٌ

يُغْثِ كَامِي وَحِيكُنْ كَقْدَثِ اِيْتِ تِيْدِقْ لَآ اِيْنِ مَلَآئِكُنْ نَصِيْحَتِ فِثْعَاجِرِنْ دَانَ
كِتَابِ سُوْجِي يَغْ مَهْرِي فَرْعِنْ؛

Yang Kami wahyukan kepadanya itu tidak lain melainkan nasihat
pengajaran dan Kitab Suci yang memberi penerangan;

لِيُنذِرَ مَنْ كَانَ حَيًّا وَيَجِئَ لِقَوْلِهِ عَلَى الْكَافِرِينَ

سوڤاايا اي مېري ڦرايغتن كقد اورغ يغ سديا هيدوف (هاتين) ، دان
سوڤايات تئش حكومن (عذاب) ترهادف اورغ- اورغ يغ كفور ايغكر.

36:70 Supaya ia memberi peringatan kepada orang yang sedia hidup (hatinya), dan supaya nyata tetaknya hukuman (azab) terhadap orang-orang yang kufur ingkar.

أَوَلَمْ يَرَوْا أَنَّا خَلَقْنَا لَهُمْ مِمَّا عَمِلَتْ أَيْدِينَا أَنْعَامًا فَهُمْ لَهَا
مَالِكُونَ

تيدقکه مریک ملیهت دان همیکیرن ، بهاوا کامی تله منچیتاکن اونتوق
مریک بیناتغ-بیناتغ ترنق ، دانئارا جنیس-جنیس مخلوق یغ تله کامی
چیتاکن دشن ککو اسان کامی لالو مریک همیلیقین ؟

36:71 Tidakkah mereka melihat dan memikirkan, bahawa Kami telah
menciptakan untuk mereka binatang-binatang ternak, di antara jenis-
jenis makhluk yang telah Kami ciptakan dengan kekuasaan Kami lalu
mereka memilikinya?

وَذَلَّلْنَاهَا لَهُمْ فَمِنْهَا رَكُوبُهُمْ وَمِنْهَا يَأْكُلُونَ

دان کامی جنیقکن دی اونتوق ککونان مریک؛ مک سبهاکین دانتاراش
منجادی کندران مریک، دان سبهاکین لای مریک ماکن.

36:72 Dan Kami jinakkan dia untuk kegunaan mereka; maka sebahagian di antaranya menjadi kenderaan mereka, dan sebahagian lagi mereka makan.

وَلَهُمْ فِيهَا مَنَافِعُ وَمَشَارِبٌ أَفَلَا يَشْكُرُونَ

دان مریک بر اولیه بریاکای فایده دان ککونان قادا بیناتغ ترنق ایت دان
جوک بر اولیه مینومن؛ مک معاف مریک تیدق ما هو برشکور؟

36:73 Dan mereka beroleh berbagai faedah dan kegunaan pada binatang ternak itu dan juga beroleh minuman; maka mengapa mereka tidak mahu bersyukur?

وَإِخْذُوا مِنْ دُونِ اللَّهِ إِلَهاتٌ لَعَلَّهُمْ يُنصَرُونَ

دان ترگامق مریک مپمه بیراف توهن یغ لاین دری الله ، (دغن هارفن
سهوگ مریک منداقت قرتولوغن (دری مخلوق-مخلوق ایت) .

36:74 Dan tergamak mereka menyembah beberapa tuhan yang lain dari Allah, (dengan harapan semoga mereka mendapat pertolongan (dari makhluk-makhluk itu).

لَا يَسْتَطِيعُونَ نَصْرَهُمْ وَهُمْ لَهُمْ جُنْدٌ مُّحْضَرُونَ

بندا-بندا یغ مریک سمبه ایت تیدق داقت سام سکالے منولوغ مریک ،
سدغ بندا-بندا ایت سندیری منجادی تنترایغ اکن دباوا حاضر (قادا
ھاری قیامة ، اونتوق مھری عذاب سیقسا) کقد مریک .

36:75 Benda-benda yang mereka sembah itu tidak dapat sama sekali menolong mereka, sedang benda-benda itu sendiri menjadi tentera yang akan dibawa hadir (pada hari kiamat, untuk memberi azab seksa) kepada mereka.

فَلَا يَحْزِنَكَ قَوْلُهُمْ

مَكْجَاغْنَلَهٗ اِغْكَو (واهاي محمد) بردو كاجيتا دسيبكن
• تودوهن-تودوهن مريگ (ترهادقو).

36:76 Maka janganlah engkau (wahai Muhammad) berdukacita disebabkan tuduhan-tuduhan mereka (terhadapmu).

إِنَّا نَعْلَمُ مَا يُسِرُّونَ وَمَا يُعْلِنُونَ

سسوغئكوهش كامى سديا مئئا هوئى اف ئغ مرىك سمبوپىكن دان اف ئغ
مرىك پاتكن .

_Sesungguhnya Kami sedia mengetahui apa yang mereka sembunyikan dan apa yang mereka nyatakan.

أَوَلَمْ يَرَ الْإِنْسَانُ أَنَّا خَلَقْنَاهُ مِنْ نُطْفَةٍ

تيدقکه ماعنسي ایت ملیهت دان معتهاوئی ، بهاواکامی تله منچیشتان
دی دری (ستیتیس) ایر بنیه ؟

36:77 Tidakkah manusia itu melihat dan mengetahui, bahawa Kami telah menciptakan dia dari (setitis) air benih?

فَاِذَا هُوَ خَصِيْمٌ مُّبِيْنٌ

دالم فادا ايت (ستله کامي سمهورناکن کجادينش دان تناک کقواتش) مک
دغن تيدق سمنه-منا منجاديله اي ساورغ قبيته يغ ترغ جلس بنتهنش
(مغناي ککواسان کامي مغهيد و فکن سمولا اورغ-اورغ يغ ماتي) ،

Dalam pada itu (setelah Kami sempurnakan kejadiannya dan tenaga kekuatannya) maka dengan tidak semena-mena menjadilah ia seorang pembantah yang terang jelas bantahannya (mengenai kekuasaan Kami menghidupkan semula orang-orang yang mati),

وَضَرَبَ لَنَا مَثَلًا وَنَسِيَ خَلْقَهُ قَالَ مَنْ مِّنْ يُحْيِي

الْعِظَامَ وَهِيَ رَمِيمٌ

سرتا اي معھوڪاڪن ساتو ميٿل ڦر بنديغن ڪڍڻ ڪامي (تننڱ ڪڪواسان
ايت) ، دان اي ڦولا لوقاڪن ڪاڏان ڪامي منچيشتاڪن سميل اي برتاش :
"سياڻاڪه يڄ دافت معھيد وڦڪن تولغ - تولغ يڄ تله هنجور سڦرتي دبو؟"

36:78 Serta ia mengemukakan satu misal perbandingan kepada Kami
(tentang kekuasaan itu), dan ia pula lupakan keadaan Kami
menciptakannya sambil ia bertanya: "Siapakah yang dapat menghidupkan
tulang-tulang yang telah hancur seperti debu?"

قُلْ يُحْيِيهَا الَّذِي أَنشَأَهَا أَوَّلَ مَرَّةٍ وَهُوَ بِكُلِّ خَلْقٍ

عَلِيمٌ

كَاتِكْنَلَه: "تولغ-تولغ يغ هنجور ايت اكن دهيد و فكن اوليه توهن يغ
تله منچيقتاكنش قادا اول مولا وجودش؛ دان ايها مغتاهوئي اكن
سكالا كادان مخلوق-مخلوق (يغ دچيقتاكنش)؛

36:79 Katakanlah: "Tulang-tulang yang hancur itu akan dihidupkan oleh Tuhan yang telah menciptakannya pada awal mula wujudnya; dan Ia Maha Mengetahui akan segala keadaan makhluk-makhluk (yang diciptakanNya);

الَّذِي جَعَلَ لَكُم مِّنَ الشَّجَرِ الْأَخْضَرِ نَارًا فَإِذَا أَنْتُمْ
مِنْهُ تُوقِدُونَ

"توهن یغ تله منجاد یکن ائی (بولیه دداقتی) دری قوهون-قوهون یغ
هیجاو باسه اونتوق ککونان کامو، مک کامو قون سلالو میالاکن ائی دری
قوهون-قوهون ایت".

36:80 "Tuhan yang telah menjadikan api (boleh didapati) dari pohon-pohon yang hijau basah untuk kegunaan kamu, maka kamu pun selalu menyalakan api dari pohon-pohon itu".

أَوَلَيْسَ الَّذِي خَلَقَ السَّمَوَاتِ وَالْأَرْضَ بِقَادِرٍ عَلَىٰ
أَنْ يَخْلُقَ مِثْلَهُمْ

تيدقکه داگوئی دان تیدقکه دفرچایائی بهاوا توهن یغ تله منچیتاکن
لاغیت دان بومی (یغ دمکین بسرث) - برکواس منچیتاکن سهولا ماعنسی
سباکایمان ای منچیتاکن مریدک دهولو؟

36:81 Tidakkah diakui dan tidakkah dipercayai bahawa Tuhan yang telah
menciptakan langit dan bumi (yang demikian besarnya) - berkuasa
menciptakan semula manusia sebagaimana Ia menciptakan mereka dahulu

بَلَىٰ وَهُوَ الْخَلَّاقُ الْعَلِيمُ

يا! داکوئی دان دفرچایائی برکواس! دان دی له فنیشتایغ تیدق اد
بندیغش، لایک یغ هماغتا هوئی.

? Ya! Diakui dan dipercayai berkuasa! Dan Dia lah Pencipta yang tidak ada bandingannya, lagi Yang Maha Mengetahui.

إِنَّمَا أَمْرُهُ إِذَا أَرَادَ شَيْئًا أَنْ يَقُولَ لَهُ كُنْ فَيَكُونُ

سسوئكوهن كادان ككواساعنن اأابلا ائ مئهندي اءن سسواتو،
هايله ائ برفرمان كقد (حقيقت) بندا ايت: "جاديله اءكاو!". مءك
ا ئروس منجادي.

36:82 Sesungguhnya keadaan kekuasaannya apabila Ia menghendaki adanya sesuatu, hanyalah Ia berfirman kepada (hakikat) benda itu: "Jadilah engkau!". Maka ia terus menjadi.

فَسُبْحَانَ الَّذِي بِيَدِهِ مَلَكُوتُ كُلِّ شَيْءٍ وَإِلَيْهِ
رُجْعُونَ

أوليه آيت اكويله كسوچين الله (دغن مغاؤچف : سبحان الله!) -
توهن يغ همليقي دان مغواساعي تياف-تياف سسواتو، دان كقديله
كاموسموا دكمباليكن .

36:83 Oleh itu akuilah kesucian Allah (dengan mengucap: Subhaanallah!) -
Tuhan yang memiliki dan menguasai tiap-tiap sesuatu, dan kepadaNya lah
kamu semua dikembalikan.

صَدَقَ اللهُ الْعَلِيُّ الْعَظِيمُ

بنرله (أف يَغ دفرمانكن أوليه) الله يَغ هاتِيغكي (درجت كولياعنث) ،
لاكي هابسر (ككواساعنث)

Benarlah (apa yang difirmankan oleh) Allah Yang Maha Tinggi (darjat
(kemuliaanNya), lagi Maha Besar (kekuasaanNya)